



# SAMBUTAN HARI PELADANG PENTERNAK & NELAYAN PERINGKAT KEBANGSAAN 2015



# HPPNK Hargai Peladang, Penternak dan Nelayan

Oleh Nor Azlina Sani



KUALA LUMPUR, 24 Nov (Bernama) -- Sambutan Hari Peladang, Penternak dan Nelayan (HPPNK) peringkat kebangsaan akan berlangsung pada 27 Nov hingga 3 Dis di Dewan Suarrah, Samarahan, Sarawak.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek berkata HPPNK adalah untuk menghargai para peternak, peladang dan nelayan.

"Kita selalu berjumpa mereka tetapi jarang berterima kasih kepada peladang dan penternak yang membekalkan beras dan keperluan untuk makanan seharian kita manakala nelayan pula menyabung nyawa di laut

**"Kita selalu berjumpa mereka tetapi jarang berterima kasih kepada peladang dan penternak yang membekalkan beras dan keperluan untuk makanan seharian kita manakala nelayan pula menyabung nyawa di laut untuk memberi kita hasil tangkapan laut seperti ikan, udang, sotong dan sebagainya,"**

untuk memberi kita hasil tangkapan laut seperti ikan, udang, sotong dan sebagainya," katanya pada sidang media yang diadakan pada hari ini. Selain itu, pengunjung di Sarawak dan Semenanjung berpeluang melihat 200 spesis haiwan ternakan, 400 gerai yang mempamerkan produk pertanian dari seluruh negeri pada karnival HPPNK kali ini.

Shabery memberitahu kebiasaannya HPPNK peringkat kebangsaan ini diadakan mengikut giliran dari satu negeri ke negeri yang lain.

"Mungkin di Sarawak sudah terlalu lama tidak diadakan HPPNK kerana timbul isu logistik kerana bukan mu-

dah untuk membawa ternakan dan tumbuhan ke negeri itu. Ini memerlukan keazaman yang kuat dari segi pentadbiran, kewangan, kos dan sebagainya.

"Kali terakhir HPPNK di Sarawak pada 28 tahun yang lalu dan Sarawak merupakan negeri pertanian kerana terdapat banyak hasil pertanian seperti ikan Emperau dan buah longan terdapat di Sarawak serta banyak makanan unik yang perlu diperkenalkan," katanya.

Kota Samarahan dipilih kerana terdapat banyak pusat pengajian di situ seperti Universiti Malaysia Sarawak (UniMAS) dan ini dapat memberi inspirasi kepada golongan muda untuk menceburi bidang pertanian.

--BERNAMA



# Di Sini Segalanya Bermula **SEJARAH HPPNK**



## **KRONOLOGI**

### **13 Ogos 1973**

“Saya gembira mengumumkan iaitu 6 Ogos tiap-tiap tahun hendaklah dijadikan sebagai Hari Peladang yang boleh dirayakan oleh peladang-peladang seluruh negara. Tarikh 6 Ogos ini ialah sempena Pelancaran Gerakan Pembaharuan di Dungun tahun lepas dan saya berharap Hari Peladang ini akan menjadi suatu ahri yang memberi erti dan makna kepada kaum tani kita dan rakyat amnya” – Petikan Amanat Allahyarham Tun Abdul Razak Hussin semasa melancarkan penubuhan Lembaga Pertubuhan Peladang

### **6 Ogos 1975**

Sambutan Hari Peladang pertama dengan tema ‘Perpaduan Peladang-Peladang Penting Kepada Kestabilan Negara’ di perkarangan bangunan Parlimen dan telah dirasmikan oleh Tun Abdul Razak Hussin

### **1983**

Penukaran nama kepada Hari Peladang dan Nelayan

### **1988**

Penukaran nama kepada Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Kebangsaan (HPPNK)

## **HPPNK 2015**

### **OBJEKTIF**

- Pengiktirafan dan penghargaan Kerajaan atas sumbangan Peladang, Penternak dan Nelayan
- Perbaharui azam Peladang, Penternak dan Nelayan untuk meningkatkan kualiti dan hasil serta tambah nilai melalui pertandingan
- Menilai dan mengukur pencapaian prestasi usahawan tani melalui pertandingan-pertandingan yang diadakan
- Menggalakkan para peladang, penternak dan nelayan supaya bersatu bagi meningkatkan taraf sosio-ekonomi dan membanteras kemiskinan
- Pendedahan maklumat terkini dan teknologi terbaharu dalam pembangunan pertanian dan industri asas tani
- Mempamer dan mempromosi teknologi dan hasil kajian terbaharu oleh jabatan, agensi kerajaan dan sektor swasta yang bersesuaian untuk masyarakat peladang, penternak dan nelayan ke arah pemodenan dan perindustrian sektor pertanian

- Platform untuk bertukar-tukar pendapat dan pengalaman

### **KONSEP**

- Trade fair dan karnival/festival – agrobazaar, sukan dan persembahan kebudayaan
- Penyampaian anugerah kepada para pemenang Pertandingan HPPNK 2015
- Pameran Jabatan/ Agensi Kerajaan & Negeri/Swasta dan individu berkaitan teknologi
- Promosi dan jualan keluaran hasil-hasil agromakanan dan pemadanan perniagaan
- Perkongsian maklumat terkini kepada usahawan-usahawan tani melalui konvensyen dan bengkel
- Penonjolan usahawan-usahawan muda
- Peluang berinteraksi dan membina jaringan perniagaan di antara pemain-pemain dalam sektor pertanian

# BAKTI DISEMAI, HASIL DIRAIH

## Berkat Tuah Foodstuff



Mohamed El Zamri Mohd Idris merupakan seorang usahawan cekal yang berjaya melakukan inovasi di dalam bidang makanan hasil bimbingan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM). Perniagaan utama syarikat milik beliau Berkat Tuah Foodstuff yang berlokasi di Batu Berendam, Melaka ini adalah pengeluaran makanan se-

jukbeku yang berasaskan ikan seperti Tuah Lekor (keropok lekor) dan yang terbaharu Berkat Roti Canai (bebola roti canai).

Selain itu Mohamed El Zamri juga telah melakukan inovasi makanan berasaskan rumpai laut (seaweed) dan mengeluarkan roti canai seaweed,

sesuatu yang tidak pernah dilakukan sebelum ini.

Melalui bantuan peralatan yang disalurkan oleh LKIM, Berkat Tuah Foodstuff yang dimulakan sejak tahun 2010, telah berjaya meningkatkan kuantiti pengeluaran produk yang dihasilkan yang secara langsung berjaya menjana peningkatan pendapatan syarikat ini sebanyak 20 peratus lebih daripada pendapatan tahun sebelumnya.

Mohamed El Zamri telah terpilih bagi menyertai Program Malaysia Festival 2015 (Mfest) di Sydney, Australia pada September lalu. Perancangan beliau seterusnya adalah untuk membawa produk-produk keluaran Berkat Tuah Foodstuff untuk menembusi pasaran di Brunei.

## Rosfaniaga Services Sdn Bhd

Sebagai pengusaha yang gigih, Puan Fatimah Bt Abdul Hamid sentiasa berusaha memajukan perusahaan beliau. Beliau adalah usahawan bimbingan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia yang menghasilkan produk yang berasaskan ikan dibawah jenama d-Frentz.

Antara produk yang dihasilkan adalah Keropok Lekor, Lekor Keping, Lekor Ball, Snek Ikan, Keropok Ikan, Popia Otak-Otak dan Terubok Masin.

Bermula dengan perusahaan kecil-kecilan, kini Syarikat Rosfaniaga Services Sdn. Bhd telah berjaya mempunyai kilang pemprosesan sendiri. Puan Fatimah menggunakan segala peluang yang ada, justeru pada tahun 2014, Puan Fatimah berjaya mendapatkan peruntukan dibawah Program High Impact Project untuk



membina kilang baru di Miri Sarawak. Tidak mudah puas hati dengan kejayaan yang telah dikecapi, Puan Fatimah banyak mengikuti pelbagai kursus dan menyertai program promosi yang telah dianjurkan oleh LKIM.

Beliau juga percaya bahawa program promosi yang dibawa oleh LKIM banyak membantu dalam memasarkan

produk beliau seterusnya meningkatkan nilai jualan tahunan setiap tahun.

## BAKTI DISEMAI, HASIL DIRAIH



Setelah 22 tahun berkhidmat di dalam industri 'Oil & Gas', Kartini Sarkawi yang berkelulusan Pengajian Perniagaan mengambil keputusan mence-

### Sixteen Twentynine Sdn Bhd

buri bidang perniagaan makanan sejukbeku berjenama RANIA bermula tahun 2012.

Selain itu, beliau juga membuka restoran berkonsepkan kontena dibawah jenama Sixteen Twenty Nine, yang menjadi salah satu saluran bagi beliau memperkenalkan produk-produk keluarannya. Antara produk yang dihasilkan adalah karpap sar-

din, popia udang dan kelupis pulut yang menjana nilai jualan tahunan sebanyak RM100,000. Sixteen Twentynine mengedarkan produk-produk ini di seluruh negeri Sarawak dan juga ke Brunei atas bantuan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) dari segi khidmat nasihat pensijilan dan promosi.

### Zalma Mohd Noor Enterprise

Marzuki Che Mamat bermula secara kecil-kecilan sebelum beliau menerima bantuan dari LKIM dalam bentuk peralatan, pembungkusan dan kajian nutrisi dalam pengeluaran keropok losong.

Bergerak di bawah syarikat Zalma Mohd Noor Enterprise, beliau memulakan projek usaha tani ini pada tahun 2003 dan dengan bantuan yang diterima itu syarikat mampu menjana nilai jualan sebanyak RM300,000 setahun.

Atas komitmen Marzuki yang tidak berbelah bahagi dan bimbingan LKIM,



premis perusahaan beliau berjaya mendapat pensijilan Halal yang menjadi salah satu faktor produk keluaran syarikatnya mendapat

kepercayaan dan keyakinan para pelanggan. Bagi menjamin kualiti produk semasa penghantaran, Marzuki menggunakan 'refrigerated truck' ke beberapa outlet di beberapa buah negeri terutamanya di Lembah Klang.

Di samping itu Marzuki juga dalam usaha untuk mendapatkan Sijil Makanan Selamat Tanggungjawab Industri (MeSTI).

Usahawan yang berlokasi di Jerneh, Terengganu ini juga sangat cekal dan gigih membangunkan perniagaan dengan dibantu lima orang kakitangannya.

**SAMBUTAN  
HARI PELADANG  
PENTERNAK & NELAYAN  
PERINGKAT KEBANGSAAN 2015**

**Tarikh : 27 NOVEMBER - 3 DISEMBER 2015**  
**Masa : 10:00 PAGI - 10:00 MALAM**  
**Tempat: PERKARANGAN DEWAN SUARAH, KOTA SAMARAHAN, SARAWAK**

*Fiesta Terbesar  
di Sarawak ...  
Jom Meriahkan  
HPPNK 2015...*

**KLK BANNER UNTUK  
PAPARAN PENUH**

*Semua di jemput hadir*

**Perkhidmatan  
Shuttle Bas PERCUMA**  
dari Kuching Water Front / Kota Sentosa  
ke Perkarangan Dewan Suarah Kota Samarahan  
Terawal 9.00 pagi | Terakhir 7.00 petang

---

dari Perkarangan Dewan Suarah Kota Samarahan  
ke Kuching Water Front / Kota Sentosa  
Terawal 2.00 petang | Terakhir 11.00 malam

Untuk Maklumat Lanjut [www.moa.gov.my](http://www.moa.gov.my) | [www.moma.sarawak.gov.my](http://www.moma.sarawak.gov.my)

Sememangnya penglibatan golongan muda di dalam sektor pertanian menjadi sasaran Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP). Pelbagai usaha telah dijana dan dijalankan bagi menarik golongan harapan negara ini untuk bekerja di dalam bidang pertanian.

Namun begitu, menurut Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani, penglibatan belia yang berusia di bawah 40 tahun di dalam bidang ini masih lagi rendah. Hanya 15 peratus sahaja yang berdaftar sebagai ahli Peladang berbanding yang berusia 41-59 tahun (30.9%) dan yang berusia 60 tahun ke atas (54.1%).

Golongan belia diperlukan di dalam bidang pertanian untuk bertindak sebagai pelapis bagi menjamin kesinambungan aktiviti-aktiviti pertanian dan juga pelapis kepada kepimpinan pertubuhan peladang (PP).

Tenaga muda ini juga diperlukan bagi menjadi katalis kepada perubahan minda ke arah pemodenan sektor pertanian dengan menggunakan kaedah-kaedah dan teknologi moden seperti pengurusan teknologi dan mekanisasi moden, pengurusan ladang komersial, sistem

## Golongan Muda Dan Sektor Pertanian

pentadbiran dan pemasaran di samping berusaha menambah bilangan keahlian PP.

Melihatkan kepada peratusan keanggotaan Peladang, tidak dinafikan perjalanan Kementerian untuk menjadi bidang pertanian seiring dengan bidang pekerjaan yang lain masih panjang.

Namun begitu, inisiatif-inisiatif telah diwujudkan dan sedang dilaksanakan untuk menambah bilangan mereka di dalam sektor ini antaranya Unit Agropreneur Muda (UAM) telah diwujudkan pada tahun 2013. Satu majlis perundingan telah diwujudkan di bawah UAM yang dipengerusikan sendiri oleh Menteri Pertanian Dan Industri Asas Tani yang menyediakan ruang kepada anak-anak muda menyampaikan pandangan mereka yang boleh digunakan dalam membangunkan bidang pertanian pada masa hadapan.

Selain itu, telah ditubuhkan Kor Tani jabatan dan agensi di bawah Kementerian

yang berperanan sebagai agen memberi penerangan akan peranan kementerian, jabatan dan agensi di bawahnya serta dasar-dasar kerajaan kepada rakyat.

Kor Tani ini dianggotai oleh para petani muda, anak-anak ahli pertubuhan peladang dan persatuan nelayan, para peserta pasar tani, para usahawan Industri Kecil dan Sederhana (IKS), peladang, penternak dan individu yang menerima peruntukan di bawah Kementerian yang berusia antara 18 sehingga 40 tahun.

Anggota Kor Tani yang kini sudah mencecah 14, 471 orang di seluruh negara juga disyaratkan untuk menjadi ahli pertubuhan peladang di kawasan masing-masing yang mana dengan cara ini ia menyediakan pelapis untuk mentadbir PP pada masa hadapan.



**Kor Tani ini dianggotai oleh para petani muda, anak-anak ahli pertubuhan peladang dan persatuan nelayan, para peserta pasar tani, para usahawan Industri Kecil dan Sederhana (IKS), peladang, penternak dan individu yang menerima peruntukan di bawah Kementerian yang berusia antara 18 sehingga 40 tahun.**



## PNK Sri Muara Berjaya Bantu Tingkatkan Pendapatan Ahli

Oleh Noor Bakhtiar Ahmad

KUCHING -- Persatuan Nelayan Kawasan (PNK) Sri Muara yang diwujudkan sejak tahun 1992 untuk meningkatkan taraf sosioekonomi nelayan di kawasan Muara Tebas dekat sini, terus menunjukkan hasil prestasi yang baik dalam pengurusan perniagaan mereka.

Memiliki keahlian seramai 542 orang, PNK Sri Muara melakukan pelbagai aktiviti ekonomi seperti pemasaran ikan; perniagaan minyak diesel bersubsidi; memasarkan ikan secara terus kepada pelanggan; menjadi ejen kutipan caj ikan; pembekal peralatan dan perkhidmatan seperti enjin sangkut, bot fiber glass, pukot serta kotak ikan insulasi bagi menambah pendapatan persatuan.

PNK Sri Muara boleh terus berbangga apabila mampu membeli bangunan kilang berharga RM475,000 di kawasan Demak Laut dekat sini, sebagai pusat pemprosesan hasil perikanan pada tahun 2011. Menurut Pengurus PNK Sri Muara, Kartini Bujang kejayaan demi kejayaan yang dicatatkan

pernah mengangkat persatuan itu sebagai yang terbaik di Sarawak sehingga pernah mendapat Anugerah Persatuan Nelayan Jaya peringkat Negeri dan Kebangsaan pada 2006.

Katanya tidak leka dengan kejayaan yang sudah dicapai, PNK Sri Muara sentiasa mencari peluang serta potensi yang mampu dijana menggunakan hasil perikanan yang begitu sinonim dengan persatuan berkenaan

untuk terus menambah pendapatan.

Melihatkan potensi besar ikan bakar dalam menambah pendapatan, PNK Sri Muara meneroka secara aktif bidang itu dengan mewujudkan sebuah restoran makanan laut. "Hasilnya pada tahun 2012, bermulanya perniagaan restoran makanan laut apabila Restoran PNK Sri Muara memulakan operasi di Kampung Muara Tebas.

"Idea asal restoran ini adalah untuk menambah pendapatan persatuan selain memberi pilihan kepada orang ramai yang datang ke kawasan ini kerana sebelum ini tidak ada restoran makanan laut Melayu di kawasan tersebut," katanya kepada Bernama.

"Dalam sebulan pendapatan bersih restoran ini mampu mencapai RM3,000 ke RM6,000. Selain dibuka untuk orang ramai menjamu selera di situ, Restoran PNK Sri Muara juga menyediakan pakej-pakej untuk agensi kerajaan dan swasta menganjurkan majlis mereka," katanya sambil menambah empat pekerja restoran berkenaan adalah anak-anak nelayan ahli PNK Sri Muara. Sebagai sebuah persatuan nelayan yang ikhlas untuk membantu menambah pendapatan ahlinya, PNK Sri Muara tidak pernah duduk diam dan sentiasa mencari peluang perniagaan terbaharu.

-- BERNAMA



**PNK Sri Muara boleh terus berbangga apabila mampu membeli bangunan kilang berharga RM475,000 di kawasan Demak Laut dekat sini, sebagai pusat pemprosesan hasil perikanan pada tahun 2011**

# FAMA Perkenal Sajian Makanan Popular Di HPPNK 2015

Oleh Nor Azlina Sani



**“Ini juga merupakan peluang untuk menarik minat usahawan tempatan untuk melibatkan diri dalam mempopularkan jenis-jenis makanan di Malaysia khususnya sebagai satu industri perniagaan yang menarik dan seterusnya meningkatkan pendapatan,”**

KUALA LUMPUR -- Hari Peladang, Peternak dan Nelayan peringkat kebangsaan (HPPNK 2015) akan diadakan pada 27 November hingga 3 Disember di perkarangan Dewan Suarah Samarahan, Sarawak.

Timbalan Ketua Pengarah Pembangunan Usahawan Lembaga Pemասaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Ab Razak Ab Majid memberitahu pelaksanaan HPPNK mampu mengangkat sektor pertanian dan mempromosikan teknologi terbaharu dalam kalangan para petani dan peladang.

“Pengisian aktiviti dalam HPPNK adalah sama setiap kali ianya dilaksanakan. Cuma perbezaannya adalah lokasi pelaksanaan berubah mengikut negeri yang menjayakannya,” katanya kepada Bernama. HPPNK akan dirasmikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak

pada 28 November. Bagi negeri Sarawak sambutan HPPNK merupakan sambutan yang julung kali diadakan setelah 28 tahun iaitu kali terakhir ia dianjurkan di negeri itu adalah pada tahun 1987.

Semasa penganjuran HPPNK 2015, FAMA turut mengadakan program sajian makanan popular bertujuan untuk mengetengahkan makanan popular di Malaysia khususnya makanan tradisional di negeri Sarawak kepada pengunjung, menurut Ab Razak lagi.

“Ini juga merupakan peluang untuk menarik minat usahawan tempatan untuk melibatkan diri dalam mempopularkan jenis-jenis makanan di Malaysia khususnya sebagai satu industri perniagaan yang menarik dan seterusnya meningkatkan pendapatan,” kata beliau.

Seramai 24 usahawan akan dipilih menyertai sajian makanan popular dan ianya dibahagikan kepada zon Sarawak, zon timur, zon selatan, zon tengah dan zon utara.

Selain itu, sebanyak 14 anugerah akan diberikan kepada Usahawan Terbaik di bawah program FAMA seperti Usahawan Pasar Tani Terbaik, Usahawan Terbaik Agro Bazaar Kedai Rakyat, Usahawan Motosikal Tiga Roda, Usahawan Ladang Kontrak Terbaik, Usahawan Pemasar Kukuh Terbaik dan sebagainya.

10,000 pengunjung dijangka hadir pada majlis perasmian HPPNK pada tahun ini.

--BERNAMA